

**Konsep Rukun Tetangga Antara Penyumbang Kejayaan Perpaduan Nasional - PM Bernama**  
**18 Januari, 2013**

PUTRAJAYA, 18 Jan (Bernama) -- Konsep Rukun Tetangga (RT) yang diperkenalkan di negara ini sejak 1975 merupakan antara penyumbang kepada kejayaan pembentukan perpaduan nasional, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Perdana Menteri berkata perpaduan nasional merupakan tonggak kestabilan dan keselamatan negara dan terdapat dua aspek dan dimensi untuk memupuk perpaduan iaitu melalui kerangka minda dan institusi yang boleh memainkan peranan seperti sekolah, keluarga, bidang sukan dan konsep RT itu sendiri.

"Lebih banyak kita wujudkan institusi ini lebih berjaya kita untuk menggerakkan Malaysia ke arah pembentukan perpaduan nasional yang sejati," katanya pada Majlis Perhimpunan Perdana Rukun Tetangga 2013 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini Jumaat.

Turut hadir isteri perdana menteri Datin Seri Rosmah Mansor, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) Datuk Azman Amin Hassan.

Najib berkata kuasa RT berpaksi kepada rakyat, berteraskan semangat kesukarelaan dan semangat sanggup menyumbang masa dan tenaga untuk keselamatan kawasan setempat.

"Ini kerana keamanan, kestabilan dan keharmonian negara tidak boleh menjadi realiti dan kenyataan tanpa pembabitan setiap rakyat," katanya.

Najib berkata walaupun ada sesetengah pihak yang hanya bercakap mengenai isu keselamatan dalam negara, namun komuniti RT ini sanggup mencurah bakti untuk menjaga keselamatan dan keamanan negara.

"Saya tabik mereka kerana mereka ada rasa tanggungjawab yang bukan sahaja diungkapkan kerana untuk meluahkan begitu mudah tetapi untuk mengorbankan masa dan tenaga, tuan-tuanlah merupakan sebahagian daripada rakyat Malaysia yang benar-benar dihargai oleh negara," katanya di hadapan kira-kira 6,000 komuniti RT.

Najib turut berharap lebih banyak RT ditubuhkan pada masa depan yang akan dapat menjamin kawasan kejiranan lebih selamat.

"Bila buat rondaan sukarela buatlah rondaan sebenar, jangan mengelat," katanya berseloroh.

Sehingga Disember lepas, sebanyak 6,061 RT, 3,447 Skim Rondaan Sukarela (SRS), 1,731 Tabika Perpaduan dan 39 Taska Permata Perpaduan ditubuhkan.

Najib pada majlis itu turut melancarkan Buku Panduan Pengurusan Rukun Tetangga yang pertama kali dihasilkan sebagai bahan rujukan oleh anggota RT dalam mengurus dan melaksanakan program itu.

Beliau dan isteri turut menyampaikan Anugerah Perdana Rukun Tetangga 2012 yang mempunyai lapan kategori dan antara pemenang ialah Kelab Rukun Tetangga Taman

Samudera (A) Fasa 1 Batu Caves Gombak, Selangor bagi kategori Pengurusan Rukun Tetangga dan Kelab Rukun Tetangga Taman Perumahan MPL, Labuan bagi kategori Inovasi Rukun Tetangga.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=922762>